

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENAMBAHBAIKAN  
PROSES PILIHAN RAYA  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
BANGUNAN PARLIMEN**

**RABU, 2 NOVEMBER 2011**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

- YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] - *Pengerusi*  
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]  
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]  
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]  
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]  
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]  
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]  
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

- Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Mohd. Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

- Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**

- YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof [Pengerusi]  
YBhg. Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi]  
YBhg. Datuk Kamaruddin bin Mohamed Baria [Setiausaha]  
YBhg. Dato Haji Noordin bin Che Ngah [Timbalan Setiausaha Pilihan Raya]  
YBhg. Dato Kamarudin bin Haji Keling [Pengarah ICT]  
Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang]

Samb-

**HADIR BERSAMA**(*samb/-*)

**MOSTI**

Puan Julita Majungki [Setiausaha Politik]  
Puan Norrizan binti Abd Majid [Pegawai Khas]  
Cik Jane Ritikos [Setiausaha Akhbar]

**AGENSI YANG DIPANGGIL**

**Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam [Ketua Setiausaha]  
YBhg. Dato' Alwi bin Haji Ibrahim [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan]  
YBhg. Datin Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan  
dan Sumber Manusia (Jabatan Pendaftaran Negara)]  
Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian  
(Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]  
Puan Mazni binti Bidin [Timbalan Pengarah (Bahagian Latihan)  
Jabatan Pendaftaran Negara]

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENAMBAHBAIKAN  
PROSES PILIHAN RAYA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****RABU, 2 November 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.50 petang**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
**mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**Tuan Pengerusi:** Okey baiklah. Selamat tengah hari dan salam sejahtera kepada semua Ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya Dewan Rakyat Parlimen yang kedua belas ini. Walaupun ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum tiba, kita mempunyai kuorum untuk memulakan dan wakil setiausaha bersama dengan kita. Saya mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Yang Berhormat sekali lagi walaupun dalam keadaan kesibukan dengan perbahasan di Dewan Rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semalam iaitu Selasa, 1 November 2011, jawatankuasa ini telah bermesyuarat untuk kali kedua bagi mendengar input serta cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa ini berhubung dengan penambahbaikan sistem perjalanan pilihan raya negara ini dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan tersebut dirangkum dan dikategorikan di bawah terma-terma rujukan yang telah dipersetujui pada mesyuarat pertama jawatankuasa iaitu pada 12 Oktober 2011.

Sekadar untuk peringatan kita bersama tema rujukan telah ditetapkan adalah seperti berikut meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya, mengkaji proses pilihan raya, meneliti usaha untuk menambahbaikkan daftar pemilih, keempat mengukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya dan yang kelima mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihan raya.

Pada hari ini jawatankuasa akan mendengar taklimat yang akan diberikan oleh dua agensi iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak awam berkenaan proses pilihan raya serta usaha-usaha penambahbaikan yang dirancang oleh SPR.

Agensi kedua ialah Kementerian Dalam Negeri jika masa mengizinkan khususnya serta Jabatan Pendaftaran Negara berhubung dengan peranan Jabatan Pendaftaran Negara terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya berkaitan dengan proses pendaftaran. Nanti setelah diberikan setengah jam begitu kepada pihak SPR dan kita boleh menyampuk untuk penjelasan dan selepas itu bolehlah mengemukakan soalan-soalan ataupun pertanyaan-pertanyaan yang tidak termasuk dalam taklimat ataupun pemberian maklumat oleh pihak mereka dan mungkin kita tengok jika mencukupi satu jam kita akan menambahkannya jika diperlukan. Jadi, saya rasa tanpa membuang masa diminta pihak sekretariat untuk memanggil SPR. Ada senarai nama mereka itu...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Kita telah menjemput Pengarah Tan Sri dan CEO - Ya pengerusi dan ada nama yang telah diberikan, setiausaha nama-nama.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Dato Wira Wan Ahmad Wan Omar, Timbalan...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** ...Pengerusi dan setiausaha, Datuk Kamaruddin.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Enam orang?

**Tuan Pengerusi:** Enam orang.

**Seorang Ahli:** Ada kerusi siap kena kerusi...

**Tuan Pengerusi:** Kerusi tambahan...

**Seorang Ahli:** Kerusi tambahan kepada enam orang.

**Tuan Pengerusi:** Ya *I think* saksi yang lain boleh duduk di tepi, boleh.

*[Saksi dari Suruhanjaya Pilihan Raya mengambil tempat di dalam Bilik Jawatankuasa]*

**Seorang Ahli:** Assalamualaikum...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Waalaikumusalam, sila.

**Tuan Pengerusi:** Okey, baiklah bagi pihak Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Parlimen mengenai dengan penambahbaikan sistem pilihan raya Malaysia, saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Pengerusi SPR yang telah pun menerima panggilan kita untuk bersama-sama dengan Jawatankuasa Pilihan Khas pada tengah hari ini. Saya sedia maklum beberapa ahli rombongan nanti pihak Yang Berhormat bolehlah memperkenalkan nanti. Sebelum itu format kita pada hari ini Tan Sri ialah saya memberikan peluang setengah jam untuk penyampaian apa-apa sahaja langkah-langkah dan perhatian SPR yang sedang dijalankan ataupun dicadangkan untuk penambahbaikan sesuai dengan maklumat daripada pihak awam, memorandum-memorandum yang diberikan oleh pelbagai pihak termasuk dari Sabah dan negeri-negeri lain.

Selepas itu nanti pihak Ahli-ahli Jawatankuasa ada lagi soalan-soalan khas di mana perkara-perkara itu mungkin tidak dibangkitkan dalam penyampaian pihak SPR. Jadi, dengan tanpa melengahkan lagi masa memang dengan izin, *the key words* yang diberi bagi tema rujukan kami di dalam jawatankuasa ini ialah penambahbaikan. Apa sahaja penambahbaikan yang rakyat mahu dan apa yang telah dibawa kepada pihak SPR dan bagaimana SPR telah pun sedang ataupun telah mengambil tindakan kepada itu. Jadi, dipersilakan Tan Sri boleh memulakan dengan memperkenalkan anggota pegawai-pegawai, terima kasih.

#### **12.55 tgh.**

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof [Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali, Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook dan Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong iaitu ahli-ahli kepada jawatankuasa ini.

Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana dijemput untuk berjumpa dengan jawatankuasa ini bagi sama-sama membincangkan cara-cara untuk memperbaiki proses pilihan raya di negara kita ini. Keduanya di sini SPR sedia sepanjang masa untuk memberikan kerjasama padu kepada jawatankuasa ini untuk memastikan keputusan-keputusan yang akan dibuat di sini adalah untuk kebaikan proses pilihan raya kita di negara ini.

Seterusnya saya ingin menyatakan bahawa di peringkat SPR sendiri kita telah pun mengkaji beberapa perkara untuk menambahbaikkan lagi proses pilihan raya kita ini dan di antara perkara-perkara yang telah putuskan itu kita bahagikan kepada jangka pendek, *immediate term*, jangka pertengahan dan juga jangka panjang. Jangka pendek pertama sekali yang saya ingin utarakan di sini ialah berkenaan dengan proses pembersihan daftar pemilih yang dibuat hari-hari oleh SPR, selepas ini saya akan elaborate more.

■ 1300

Saya ingin mencadangkan satu kaedah pengundian yang baru dipanggil pengundian awal untuk menggantikan pengundian cara pos yang kita amalkan sekarang ini walaupun penggunaan cara pos itu ada yang perlu dikekalkan. Ketiga, berkenaan dengan penggunaan dakwat kekal bagi verifikasi pengundi. Keempat, berkenaan dengan cadangan SPR supaya amalan kita mengadakan perarakan yang beramai-ramai semasa penamaan calon diberhentikan. Kelima, memperkenalkan berkenaan dengan kaedah-kaedah baru tentang pemasangan bahan-bahan kempen semasa pilihan raya. Untuk jangka sederhana, kita bercadang supaya juga diambil kira berkenaan dengan langkah-langkah bagi pengukuhan SPR. Kedua, kita juga mencadangkan supaya skop pengundian pos dalam dan luar negeri dipertingkatkan.

Untuk jangka panjang, SPR ingin mencadangkan supaya sistem pilihan raya di negara kita ini ditukar kepada sistem yang lebih sesuai yang pada masa ini kita menggunakan sistem *first pass the post* dan mungkin perkara ini mungkin boleh dikaji untuk mencari satu sistem yang lebih baik. Jadi, izinkan saya Yang Berhormat Tuan Pengurus, untuk saya pergi kepada satu demi satu secara ringkas Yang Berhormat. Saya dan rakan-rakan saya di sini sedia untuk menjawab apa-apa sahaja soalan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa ini. Pertamanya, berkenaan dengan keputusan di peringkat SPR yang dibawa di sini iaitu kita mencadangkan untuk mengelakkan perarakan penyokong beramai-ramai semasa penamaan calon.

Jadi, di dalam undang-undang dan peraturan yang ada sekarang ini, semasa penamaan calon, yang diperlukan adalah calon, penyokong dan pencadang. Akan tetapi apa yang berlaku selama ini, budaya kita ialah calon itu bukan sahaja disertai oleh pencadang dan penyokong tetapi juga terlalu ramai penyokong-penyokong calon masing-masing. Sehingga jumlahnya berpuluhan-puluhan ribu. Jadi, kita berpandangan bahawa kalau boleh di peringkat Jawatankuasa ini, ini rayuan daripada SPR, supaya di peringkat pemimpin-pemimpin parti supaya bersetuju sesama sendiri, pada masa hari penamaan calon itu tidak perlu ada terlalu ramai penyokong-penyokong calon datang di pusat penamaan calon.

Dengan cara itu, kalau ada *understanding* seperti itu, tidak perlu apa-apa peraturan dipinda. Ini kerana ia adalah persetujuan sesama parti supaya tidak keluar beramai-ramai semasa penamaan calon.

Keduanya, kalau itu pun tidak begitu sesuai, kita mencadangkan supaya boleh datang tetapi tidak boleh berarak ke pusat penamaan calon. Ia hanya mungkin boleh berkumpul di ibu pejabat parti masing-masing ataupun di padang atau kawasan tertentu yang ditetapkan. Jika itu pun tidak begitu sesuai, pihak SPR ada mencadangkan supaya masa penamaan calon bagi parti-parti ini akan ditentukan. Mungkin daripada pukul 9 ke pukul 11 parti tertentu, pukul 11 ke pukul 1 parti tertentu dan seterusnya. Jadi, dengan cara itu mungkin calon-calon yang datang bertanding ini tidak bertembung. Jadi, itu cadangan kita yang pertama.

Tujuan pertamanya ialah supaya budaya datang beramai-ramai ini dapat diberhentikan. Keduanya, saya juga ingin berpandangan begini bahawa di antara perkara yang kita sedang fikirkan juga ialah *online nomination*. Itu pun dalam kajian SPR supaya *nomination* hanya dibuat secara *online* sahaja. Jadi, saya berharap kalau Jawatankuasa ini bersetuju, yang pertama itu adalah yang terbaik iaitu *understanding* sesama sendiri dan tidak keluar beramai-ramai. Kita tidak perlu meminda undang-undang.

Keduanya, berkenaan dengan bahan kempen. Kita dapati di negara kita ini apabila sahaja pengumuman dibuat berkenaan dengan penamaan calon bermula, maka mulalah bahan-bahan kempen ini dipasang dengan berbagai bentuk, di pelbagai tempat, berbagai saiz sama ada yang ditampal, digantung atau pun yang diedarkan berbagai bentuk bahan kempen ini. Jadi, pihak SPR berpandangan bahawa setelah melihat banyak negara-negara lain termasuk negara jiran kita, kita dapati bahawa untuk tujuan mempamerkan bahan kempen ini perlu diadakan sebagai satu peraturan atau pun disiplin kepada calon-calon yang bertanding supaya dapat ditentukan bahawa perkara yang hendak dipamerkan itu mengikut yang telah ditentukan oleh SPR seperti kandungannya, adanya moto, adanya manifesto, slogan, simbol parti, gambar calon, gambar pemimpin parti dan kita tentukan juga kaedah-kaedahnya dan tempat-tempat yang boleh dipasang.

Untuk tujuan ini, kita telah berbincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sedia membantu SPR untuk menguatkuasakan undang-undang kerajaan tempatan masing-masing bagi memastikan bahawa pemasangan bahan kempen ini teratur dan tidak keterlaluan. Kita juga akan tentukan tempat-tempat yang tidak boleh dipasang atau pun ditampal juga digantung bahan-bahan kempen ini.

Jadi, kalau ini dipersetujui, maknanya satu peraturan akan dibuat dan akan dikemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk dimasukkan ke dalam *bylaw* mereka. Ketiga, berkenaan dengan keputusan SPR juga yang berkenaan dengan *advance voting* ataupun dalam bahasa Malaysia, undi awal. Ini adalah berkaitan undi pos yang selama ini dijalankan untuk anggota-anggota tentera dan juga anggota-anggota polis yang di bawah undang-undang boleh mengundi secara pos.

Akan tetapi pihak SPR telah mendapat berbagai pandangan dan cadangan daripada parti-parti politik dan juga *NGO's* mengatakan bahawa undi secara pos ini tidak ada ketelusan dan sebagainya, terutamanya undi pos ini teknikal dan *rigid* kerana menggunakan banyak sampul surat. Ada Borang 2 iaitu *Identity Form* menyatakan bahawa tidak ada berlaku ketelusan. Jadi, untuk mengelakkan perkara itu berterusan, kami di SPR telah pun berbincang dengan beberapa pihak termasuk pihak polis dan tentera dan termasuk juga beberapa kumpulan supaya memperkenalkan satu kaedah yang baru dipanggil undi awal.

#### ■ 1310

Tidak ada lagi menggunakan sampul surat, tidak ada lagi menggunakan identiti *form*, tetapi hanya menggunakan kertas undi biasa. Akan tetapi bezanya cuma mereka ini mengundi awal. Dua, tiga hari mengundi awal kepada polis dan tentera dan mungkin juga petugas SPR yang boleh dikumpulkan di dalam bangunan sama ada di kem, sama ada di dewan, di sekolah, di IPK, IPD. Akan tetapi ada juga kumpulan mereka ini daripada perbincangan kami dengan pihak tentera terutamanya yang mengatakan bahawa ada sebilangan kecil, *small percentages of them* yang tidak dapat dikumpulkan pada masa tertentu kerana mereka bertugas di sempadan, di pulau dan sebagainya. Jadi walaupun jumlahnya itu kecil, tetapi kita terpaksa *retain*, mengekalkan konsep undi pos ini kepada kumpulan ini.

Jadi kalau kaedah itu dipersetujui di peringkat SPR, kita sudah menyediakan satu peraturan yang baru. Peraturan ini menyatakan bahawa semua anggota polis dan tentera adalah dikehendaki sebagai pengundi awal. Kalau mereka tidak boleh datang untuk mengundi awal, mereka terpaksa mengisi satu borang tertentu bagi mengekalkan ataupun membolehkan mereka mengundi secara pos. Jadi perkara ini kalau dipersetujui, peraturan itu akan disediakan dan akan mendapat keputusan ataupun *lay on the table in the Parliament*.

Keempat Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan verifikasi pengundi. Verifikasi iaitu menentukan bahawa pengundi yang datang itu adalah pengundi yang tidak mengundi sebelum itu.

Banyak tohmahan mengatakan bahawa di Malaysia ini ada pengundi yang mengundi lebih daripada sekali kerana di dalam daftar pemilihnya ada beberapa kecacatan, ada nama yang kadang-kadang keluar dua kali dalam kad pengenalan yang berbeza dan sebagainya.

Jadi untuk ini, di peringkat SPR kita ada mengkaji dua *approach*, dua pendekatan. Pertamanya biometrik iaitu *the simple basic DNA cap jari*. Akan tetapi setelah kita mengkaji, setelah kita mencuba beberapa kumpulan, kita dapat *risknya* begitu tinggi jika sekiranya kita buat untuk pilihan raya. Untuk itu, satu pendekatan lain yang telah dibuat di beberapa negara...

**Tuan Pengerusi:** Boleh Yang Berbahagia Tan Sri jelaskan sedikit kenapa *risk* itu tinggi?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ia begini Tuan Pengerusi, biometrik ini ia bergantung kepada komputer. Maklumat-maklumat yang ada pada pengundi-pengundi yang kita ada di sini dimasukkan ke dalam komputer dengan *detaihya* dan untuk tujuan memastikan bahawa maklumat pengundi itu sama dengan maklumat yang ada di JPN, kita juga masukkan maklumat di JPN termasuk cap jari kiri dan kanan pengundi berkenaan. Jadi pada hari mengundi, cadangan kita pertama sekali setiap pengundi itu mesti bawa dokumen rasmi, kad pengenalan ataupun dokumen-dokumen kerajaan yang lain yang rasmi yang ada gambar dan ada cap jari.

Jadi apabila sampai di Pusat Mengundi, pertama sekali kita perlu *verify* bahawa dokumen yang dibawa itu sah dan sahih. Jadi kita ada *scanner* di situ yang boleh membaca kad pengenalan ini. Kemudian itu diikuti dengan cap jari. Kalau misalnya dokumen itu asli bukan tiruan, maka nama itu akan keluar di skrin, nama dia, kad pengenalan dia, butir-butir diri dia dan sebagainya yang sama dengan cap jari yang ditekankan di situ. Akan tetapi ada ketikanya Yang Berhormat daripada percubaan yang kita buat, ada jari-jari ini yang tidak boleh dibaca. Apabila tidak boleh dibaca, opsyen kita yang kedua ialah menggunakan nombor IC. Apabila keluar nombor IC orang itu, keluarlah butir-butir diri dia. Akan tetapi, kita tidak mahu perkara itu selalu berlaku sebegitu.

Keduanya Yang Berhormat, mungkin juga semasa kita menggunakan peralatan berkenaan berlaku perkara-perkara yang di luar dugaan kita seperti *power supply*, seperti *line* yang tidak – *line* sebenarnya kita tidak mengguna *network*, kita menggunakan *stand alone*, tetapi pelbagai *possibilities* mungkin berlaku yang pada pandangan SPR *the risk is very high* untuk digunakan di 24,000 saluran. Jadi, *anything can happen*. Jadi di peringkat SPR setelah kita mengkaji perkara itu, dari segi tujuannya adalah lebih baik kerana sukar untuk kita menipu identiti seseorang.

Kaedah yang lain ialah dakwat kekal. Kaedah ini *nothing technical*. Cuma kita hendak pastikan bahawa dakwat itu benar-benar kekal dan tidak mudah ditirulah dan kita sudah belajar daripada pengalaman yang lepas supaya dakwat yang kita buat ini mestilah unik kepada kita, warnanya pun unik juga, botol shapenya pun hanya akan dikenal pasti pada hari mengundi. Jadi itu sebabnya Yang Berhormat, kita di peringkat SPRlah, kita mencadangkan verifikasi ini adalah dengan menggunakan dakwat kekal...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *Can.* Di peringkat kita sudah mengkaji dengan teliti perkara ini, cuma berdasarkan belajar daripada pengalaman yang lepas, kita tidak akan mengumumkan apakah warna dakwat ini untuk pengundi awal berbeza dengan warna untuk pengundi biasa. Begitu juga botolnya, begitu juga berus untuk menyapu di jarinya dan sebagainya. Jika sekiranya dakwat itu boleh dierase pun, kita boleh pastikan bahawa dengan menggunakan *magnifying glass*, kita boleh tahu ada kesan dakwat di situ.

**Tuan Pengerusi:** Jadi dari segi teknikalnya ini, saintifik basisnya sudah dikaji menyeluruhlah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Di peringkat SPR, saya sangat-sangat berharap Yang Berhormat supaya perkara ini kalau bolehlah termasuk juga yang lain itu, kita menganggap perkara ini perlu dapat keputusan segera kepada SPR supaya dapat kita melaksanakan tanggungjawab SPR ini secara yakin. Bolehlah kita...

**Tuan Pengerusi:** Perkara dahulu mengapa orang ragu dakwat ini. Pertama, dakwat tiruan untuk dipakai. Kedua, bagaimana dengan mereka yang tidak setuju perlu tanda dakwat kerana soal agamalah, apalah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pertama sekali Tuan Pengerusi, kita hendak memastikan bahawa dakwat ini mesti pertama sekali disahkan oleh Jabatan Agama Islam (JAKIM) bahawa kandungan dakwat ini adalah halal. Itu yang pertama.

Keduanya, bagi mereka yang beragama Islam untuk mengambil wuduk, mengambil air sembahyang, ia sah, ia menyerap, ia tidak menyekat air masuk ke jari. Ketiganya kita juga akan merujuk kepada Jabatan Kesihatan bahawa dakwat kekal ini tidak akan memberi kesan sampingan, *side effect* kepada pengundi yang menggunakanannya dan begitu juga dengan Jabatan Kimia. Kita akan rujuk semua ini. Dengan syarat itulah Tuan Pengerusi, kita kalau dapat keputusan ini awal, SPR boleh...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Yang Berbahagia Tan Sri, ada negara-negara yang lain yang memakai sistem inikah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Ada. Banyak negara yang memakai sistem ini seperti jiran kita Indonesia, di Filipina dan juga di Afghanistan, di Thailand.

■ 1320

**Tuan Pengerusi:** Adakah undang-undang yang boleh memaksa kalau orang katakan kotor itu, saya tidak mahu kena tanda saya punya tangan, macam mana?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Kita bercadang begini Yang Berhormat, sekiranya mereka tidak mahu menggunakan dakwat kekal ini, mereka tidak boleh mengundi. Tidak sebagaimana cadangan yang dahulu, ada boleh isi borang pula. Ramai pula yang isi borang tetapi kali ini kita sudah kata dakwat ini halal, dakwat ini kekal, dakwat ini tidak menyekat air wuduk dan sebagainya. Jadi, tidak ada sebablah dan tidak menyebabkan kesihatan diri pengundi terjejas.

**Tuan Pengerusi:** Perlukan peraturan, supaya apa-apa undang-undang lebih dapat...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya, peraturan. Mengikut apa yang saya difahamkan, tidak perlu meminda Perlembagaan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tan Sri, kenapa dakwat kekal ini tidak digunakan dalam pilihan raya yang lepas iaitu Pilihan Raya Kedua Belas walaupun kita telah beli berjuta-juta ringgit?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu saya belum lagi jadi Pengerusi, Yang Berhormat. Pada masa itu saya di KDN.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya tetapi masih ada rekodkan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi saya difahamkan pada masa itu, pertama sekali ia berlawanan dengan kehendak Perlembagaan. Datuk Wan ada pada masa itu di SPR, berlawanan dengan Perlembagaan dan keduanya, ada hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan kerana saya difahamkan dakwat itu telah ada di beberapa tempat, dakwat yang sama.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, kalau begitu, berlawanan dengan Perlembagaan, sekarang pun masih berlawanan dengan Perlembagaan juga kerana tidak ada apa-apa pindaan dalam Perlembagaan kita, so bagaimana?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pada masa ini Yang Berhormat, apabila kita refer kepada Jabatan Peguam Negara mengatakan boleh dan tidak perlu pinda.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tan Sri, apa yang saya tahu, daripada pilihan raya yang lepas sampai sekarang tidak ada pindaan Perlembagaan lagi. So, dalam keadaan demikian, bagaimana kita boleh gunakan dakwat kekal ini, mestilah tidak boleh juga dan apakah pindaannya, artikel yang mana Tan Sri yang telah dipinda?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Dahulu dinyatakan Yang Berhormat, yang berkaitan dengan 119, bahawa seseorang itu tidak boleh ditegah mereka daripada mengundi tetapi sekarang saya dimaklumkan...

**Tuan Wee Choo Keong:** Perkara 119 masih ada.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Penasihat Undang-undang saya ada di sini Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *Legal opinion*, rasanya pandangan, interpretasi daripada undang-undang berubah daripada yang dahulu dan sekarang. Okey, saya benarkan Penasihat Undang-undang, dengan secara ringkas.

**Encik Mohd. Azhar Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]:** Yang Berhormat Pengerusi, kita telah mendapat pandangan undang-undang bahawa bagi memastikan penggunaan *indelible ink* ini, hanya peraturan perlu dipinda kerana SPR diberi kuasa tertakluk kepada undang-undang Persekutuan iaitu peraturan. Maka, yang perlu dipinda hanyalah Peraturan 19 iaitu cara mengundi tetapi peraturan itu akan dilihat secara khusus bagi memastikan bahawa tiada orang yang tidak diberi hak. Jadi, bagi memastikan penggunaan *indelible ink* ini dibuat, maka kita hanya perlu meminda Peraturan-peraturan Perjalanan Pilihan Raya 1981, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Perlu ke Parlimen juga?

**Encik Mohd. Azhar Mohd Yusoff:** Cuma perlu dapatkan kelulusan Yang di-Pertuan Agong dan dilaid before Parlimen untuk makluman semua.

**Tuan Pengerusi:** Peraturan sahaja.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya hendak tanya, sebab kesimpulan yang tertera dalam skrin mengatakan SPR memerlukan masa bagi meminda undang-undang dan peraturan sedia ada untuk dakwat kekal ini. Jadi, tadi Penasihat Undang-undang telah mengatakan bahawa ia hanya perlu tukar peraturan. Jadi, dalam erti kata lain, *the ball is in SPR's court*. Jadi, keputusannya sebenarnya terletak di tangan SPR dan kita hendak tanya, apakah yang menghalang SPR daripada melakukan ataupun melaksanakan pindaan peraturan ini sebab tadi Tan Sri kata terpulang kepada keputusan atau tunggu keputusan daripada pihak kerajaan.

Jadi, kita hendak tanya, sebenarnya ini adalah kuasa SPR dan kita hendak tahu, *firm commitment* daripada SPR. Berapa lamakah masa perlu untuk melaksanakan dakwat kekal ini sama ada ia boleh dilaksanakan dalam PRU-13.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Pengerusi. Izinkan saya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu saya kata tadi, saya memohon, kita sebenarnya SPR ini boleh, *it is our constitutional rights* tetapi kita sangat menghormati Jawatankuasa ini dan juga Dewan Rakyat. Kita memang hendak membawa perkara ini tetapi sekarang ini kalau dakwat kekal ini hendak digunakan, kita perlu pertama sekali, peraturannya perlu dipinda dan keduanya, kita juga mesti masukkan SPR dalam kita punya *training package*. Ini sangat penting untuk memaklumkan kepada petugas-petugas SPR kita. Ketiganya, hal-hal yang berkaitan dengan *procurement* dakwat ini. Kita mesti kaji dengan teliti kandungan-kandungannya yang halal dan sebagainya dan tidak membawa penyakit. Jadi, memerlukan masa. Sebab itu saya kata dalam banyak perkara, inilah yang sangat penting.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi SPR sudah siap sedia kalau sudah ada ketetapan secepat mungkin, sedia untuk pilihan raya akan datang?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kita pun tidak tahu bila hendak pilihan raya Yang Berhormat tetapi kita bersedia.

**Tuan Pengerusi:** Yalah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tan Sri, tadi Tan Sri kata, dakwat itu ada warna-warna berbeza. Jadi, kalau macam itu mesti ada satu *storage* dengan *different colors of the ink* bukan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Begini Yang Berhormat Tan Sri, kita tidak mahu kalau kita maklumkan warna *ink* ini awal-awal, kita takut ada yang cuba hendak meniru warna itu. Paling *common colour of the ink* ini, *black*. Jadi, mungkin warna yang kita akan ambil ini unik dan warna ini kena ada dua iaitu pertama sekali, yang kumpulan untuk mengundi awal iaitu kepada tentera dan polis tadi yang saya kata mula-mula tadilah. Kita tidak boleh sama. Untuk tentera dan polis ini, kandungan *meta/hya* iaitu *silver nitrat*nya ada tinggi sedikit. Mungkin 7%, 6% supaya ia tahan lama dan tidak boleh hendak hilang. Akan tetapi bagi pengundi biasa, *colour* yang berbeza, *silver nitrat*nya sedikit rendah, mungkin 4% or 3%. Jadi, itu pun sekurang-kurangnya sehari tidak boleh hilang. Jadi, itu tujuannya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak ingin menyampuk.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Terima kasih Datuk Seri Pengerusi dan juga yang saya hormati Tan Sri Pengerusi SPR dan teman-teman. Saya hendak sambung sedikit sahaja. Apabila saya dengar taklimat Tan Sri di peringkat awal tadi, saya ada sedikit kelegaan melihat ada usaha-usaha ke arah penambahbaikan proses pilihan raya. Namun, yang kita bincang semalam panjang di peringkat Jawatankuasa dan juga mesyuarat sebelumnya ialah apakah benar-benar SPR ada taring, ada *courage* untuk melaksanakan apa yang disarankan. Apabila di hujung taklimat Tan Sri tadi kebimbangan ini menjadi realiti.

Sebagai contoh, Tan Sri menyebut SPR benar-benar berharap supaya kelulusan-kelulusan cadangan ini diberikan. Maknanya, *you are appealing to the government, to whom*. Ini yang menjadi *concern* rakyat hari ini bahawa SPR ini bukan satu badan yang bebas, yang dapat melaksanakan proses yang benar-benar telus dan adil. Sebab Tan Sri kata, "Saya benar-benar berharap". Ya, *Committee* ini, sebab itu saya juga hendak sebut, *committee* ini sekadar ingin mendengar pandangan-pandangan tetapi ada beberapa perkara yang di dalam *jurisdiction* dan Tan Sri guna istilah *constitutional rights of SPR to implement*.

Akan tetapi nampaknya, kita kadang-kadang *constitutional rights of SPR* tetapi kita korbankan *constitutional rights of people, the citizens* untuk ada satu proses yang telus. Itu yang pertama dan ianya ada kaitan dengan perkara dakwat kekal tadi. Kalau saya tengok rumusan yang diberikan, SPR memerlukan masa bagi meminda undang-undang dan peraturan sedia ada. Ada dua perkara di sini Tan Sri, kita dengar Penasihat Undang-undang sebut tadi perlukan satu pindaan peraturan kepada Peraturan 19 iaitu cara-cara mengundi. Apakah perkara ini baru diketahui oleh SPR?

■ 1330

Kalau SPR tahu bahawa perlu ada pindaan kepada peraturan, mengapa beli *ink* pada tahun 2008? Ini yang *concern* rakyat. *I mean* bercanggah-canggah jawapan di dalam Parlimen berbeza, jawapan di sini berbeza. Saya minta maaf Tan Sri tetapi ini memerlukan satu ketegasan bahawa perlu pindaan peraturan sekarang tetapi pada tahun 2008 sudah dibeli.

Satu lagi, kalau kita hendak laksanakan memerlukan sedikit masa untuk *training package*. Barang sudah beli empat tahun yang lalu. Apakah pada tahun 2008 tidak terfikir untuk melatih pegawai-pegawai SPR menggunakan *ink* ini? Jadi saya harap benar-benarlah.

Kalau benar ini satu saranan yang serius untuk menambah baik proses pilihan raya, SPR juga jangan pohon. Jangan gunakan Jawatankuasa ini untuk melengah-lengahkan pembaharuan. Mana yang boleh buat di dalam bidang kuasa SPR harus diumumkan, kami akan laksanakan. Kami akan bawa pindaan peraturan. Jadi *confident* rakyat kepada SPR itu dapat dikembalikan. Itu sebenarnya peranan Jawatankuasa ini. Bukan Jawatankuasa ini hendak memberikan arahan kepada SPR. Akan tetapi kita hendak lihat apakah SPR ada kekuatan untuk melaksanakan dalam bidang kuasa yang sedia ada dalam SPR. Itu pandangan awal sayalah, Tan Sri. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sedikit sahaja. Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** You hendak tambah? Okey, Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak tadi. Jadi saya rasa dalam Jawatankuasa ini semalam kita pun ada perbincangan dan saya rasa tidak ada seorang pun ahli dalam Jawatankuasa ini yang tidak menyokong dan yang membantah penggunaan dakwat kekal ini. Saya rasa secara konsensusnya, semua boleh terima. Jadi kalau tadi Tan Sri mengatakan bahawa tunggu keputusan daripada Jawatankuasa ini, sekiranya Jawatankuasa ini hari ini mengatakan bahawa kita menyokong saranan yang dibawa oleh SPR untuk menggunakan dakwat kekal ini, sama ada SPR boleh memberikan satu komitmen yang *firm*, bahawa ini boleh dilaksanakan secara serta-merta.

Selepas hari ini, pegawai undang-undang boleh terus membawa pindaan peraturan dan sebagainya dan boleh dilaksanakan dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. Ini yang kita harapkan sebab *committee* ini berusia enam bulan. Kita hanya boleh memberikan laporan rasmi kepada Parlimen pada bulan April depan. Sekiranya SPR tunggu laporan rasmi itu pada bulan April, mungkin SPR nanti akan kata perlukan enam bulan lagi untuk beli dakwat, untuk buat *training* dan sebagainya. Jadi mungkin tidak sempat untuk Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. Jadi sekiranya kita mengatakan bahawa PSC ini memberikan sokongan penuh kepada saranan yang dibawa oleh SPR, boleh dilaksanakan serta-merta atau tidak? Kita harap satu jawapan yang tegas daripada SPR.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Rasah. Satu lagi?... Yes, Yang Berhormat Kuala Krai. Masih dakwat, ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, masih mengenai dakwat. Saya mengharapkan pandangan SPR pada hari ini adalah yang *tercurrentlah, latest* sebab diedarkan kepada kita beberapa dokumen SPR. Satu ialah, penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan mengenai pilihan raya. Keduanya ialah jawapan SPR terhadap tuntutan Bersih 2.0, Tuan Pengerusi, diiktiraf Bersih.

**Tuan Pengerusi:** Kumpulan, ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Mengenai dakwat kekal ini, kedua-dua dokumen memberikan kesimpulan yang sama bahawa sistem yang ada pada hari ini masih relevan dan dakwat kekal ini kesimpulan yang saya baca adalah tidak sesuai. Jadi kenapa perkara ini masih diedarkan kepada kita kalau pada hari ini, SPR sudah memberikan satu gambaran yang agak jauh berbeza iaitu bersetuju dan hanya menanti beberapa pindaan peraturan sahaja. Saya rasa ini seperti disebut tadi konsensusnya yang kesembilan-sembilan orang kita ini bersetuju. Jadi ada benda-benda yang tidak payah tunggulah pada April ini. Benda ini kalau kita buat PC hari ini pun kita kata SPR bersetuju, kami setuju, go. Macam mana, Datuk Seri?

**Tuan Pengerusi:** Ya, kita belum buat resolusi. Selepas dimesyuaratkan hari ini.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Katalah kita boleh buat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kangar.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, Tan Sri. Saya ingin hendak sambung sikit tentang dakwat kekal ini yang dulunya dicadangkan untuk diguna pada tahun 2008. Pada masa itu Tan Sri tidak ada di SPR? Saya ingat lagi cadangan itu bersama dengan cadangan untuk memberi peluang kepada mereka ataupun *give them a right*, betul atau tidak betul saya hendak tanya kepada *legal advisor*. Jadi dia ada pilihan. Kalau seseorang itu dia buat bantahan mengatakan, saya tidak mahu dakwat ini dicalit di jari saya, dia terpaksa kena isi Borang 11.

**Tuan Pengerusi:** Kali ini dia kata tadi, ditolak.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *There are some other of proviso.* Oleh kerana itulah saya ingat ia ditolak oleh kerajaan. Ini kerana bila *you* bagi opsyen masa itu, *you have people who will go and said*, saya tidak mahu. Saya tidak mahu *and then you will defeat the purpose*. Adakah itu salah satu sebab..., ia berbeza daripada sekaranglah. Now *you have come*. Tan Sri datang hari ini mengatakan kita bersetuju, kita akan gunakan dakwat kekal dengan syarat, tidak ada syarat.

**Tuan Pengerusi:** ... Yes, because it is peraturan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kalau dia tidak mahu itu, dia tidak boleh undi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada peraturan, ya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Dari segi itu pula. Saya hendak tanya dari segi undang-undang. Adakah itu – *are you depriving, are you confident that you did not* melanggar hak asasi dia sebagai pengundi? Dia kata saya hendak mengundi. *I want to vote.*

Dia kata saya tidak mahu, *I don't want to have this. I want to vote. This is my identity card. I am entitled to vote.* Jadi, apa dia pandangan? Dua soalan. Satu soalan daripada itu.

**Tuan Pengerusi:** Okey, tunggu sebentar. Biar saya selesaikan. Yang Berhormat Alor Gajah, *you want to speak first* sebelum saya ke sana?

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, saya ingat jawab Yang Berhormat Gombak sahaja. Kita tidak payah menyusahkan SPR. Dia hendak bincang dengan kita. Memang dia tahu dia ada kuasa tetapi ada perkara-perkara seperti *banners, limitation and banners*, dia harap kita sebagai parti politik boleh bekerjasama supaya tidak ada salah faham. Memang mereka tahu ada perkara-perkara dalam dia punya kuasa. Dia boleh *implement*. Akan tetapi dia hendak kerjasama daripada semua pihak supaya dia tidak akan disalah faham.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Okey, minta maaf Tuan Pengerusi. *I think* saya lihat Yang Berhormat Alor Gajah ini macam dia wakil SPR pula. *My point is that, I am talking about indelible ink.* Bukan soal kempen, bahan kempen. Itu tidak apa. *We will discuss later.* Ada beberapa perkara *indelible ink* ini di dalam bidang kuasa SPR. Kalau kita tengok Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad tadi jelas menunjukkan bila SPR telah memutuskan untuk menggunakan dakwat kekal, ada *government intervention, political intervention*. Ini yang rakyat tidak mahu *because that is part of the process of* pilihan raya. *They should be given – they should empower SPR.* Gunakan kebijaksanaannya, dengan pengalamannya untuk membuat satu pilihan raya yang baik. *Now is proven* bahawa ada *political intervention in 2008* untuk menyekat penggunaan dakwat kekal. Itu yang pertama... [Disampuk]

Nanti sekejap. *Wait, wait,* satu sahaja. Kalau, kalau, kalau...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Dia punya *opinion* lainlah.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau tujuannya tadi mengatakan bahawa ada bantahan bahawa takut orang mahu dan orang tidak mahu, mengapa perkara ini tidak diteliti sebelum pelaksanaan dibuat dan barang telah dibeli? Ini yang menjadi pertikaian di mata awam. Okeylah *you have your own reason* untuk memastikan semua orang ada hak. Mengapa *legal advisor* ataupun bahagian perundungan dan SPR tidak teliti perkara-perkara ini?

Barang sudah beli. Malahan SPR sudah minta fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan kalau isunya tentang umat Islam boleh solat, wuduk dan sebagainya. Majlis Fatwa Kebangsaan telah buat keputusan dibolehkan menggunakan dakwat kekal. Jadi apa alasannya sekarang ini?

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Gombak. Pandangan tadi *I think* memang ada sikitlah sebab bukan sahaja kerajaan yang memberi - pihak awam pun ada juga meragui pada waktu itu termasuklah parti-parti di Sabah pun belum lagi yakin satu *constitutionally can you really stop people* dengan izin *by just saying I don't want that and* saya tidak boleh mengundi. Tidak, *no, have to* jelaskan.

Kedua, waktu itu teknologi banyak orang belum pasti bahawa *it really fully prove* dengan izin. So saya rasa untuk katakan kerajaan itu ia hanya satu daripada suara-suara yang express keraguanlah pada zaman itu.

Okey, saya minta...

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini bahawa kita perlu meneliti dengan sebenarnya kedudukan SPR ini sama ada SPR ini bebas ataupun semi bebas atau tidak bebas.

**Tuan Pengerusi:** *I think* itu terkeluar rujukan kita.

**Tuan Wee Choo Keong:** Nanti, Tuan Pengerusi.

■ 1340

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gombak memang ada merit juga kerana semasa SPR membuat keputusan menggunakan wang rakyat berjuta-juta ringgit membeli dakwat kekal ini, memang saya percaya bahawa SPR pada masa yang material itu telah meneliti, mengambil kira semua keadaan sama ada halal atau tidak halal atau ia kekal atau tidak kekal dan sebagainya. Pegawai SPR memang daripada SPR mesti ada rekod-rekod tertentu. Kalauolah Pengerusi SPR sekarang mengatakan beliau tidak tahu mungkin kita terima, kita panggil siapa yang bertanggungjawab pada masa itu memberikan keterangan di sini. Apa yang saya tahu pada masa itu pengerusinya adalah Tan Sri Rashid.

So, kita panggil beliau datang ke sini memberikan keterangan kenapa keputusan ini dibuat pada masa itu. Kalauolah keputusan itu adalah wajar, yang benar, betul, kita teruskan, tidak perlu habis masa di sini. Kalau tidak, kita habiskan masa di sini di mana SPR mengatakan, saya tidak tahu kerana pada masa itu saya bukan ketua pada masa itu. Itu bukan satu alasan kerana SPR mesti ada semua rekod dalam archivenya ataupun fail-fail mengenai dengan dakwat kekal ini. So, saya rasa Tan Sri perlu memberikan satu keterangan di sini dengan ikhlas dan jelas bahawa kita ada rekod. Cakap sahaja di sini, sekarang ini kita bebas, tidak akan didakwa oleh mana-mana oleh sebab ada imuniti.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Untuk rekodlah itu. Okey, saya rasa itu penting tetapi ingat terma rujukan kita adalah untuk maju ke hadapan penambahbaikan bukan *inquiry into why or the past*. Akan tetapi walaupun secara catatan, saya rasa penting dari segi meletakkannya dalam konteks di mana kita hendak pergi. Soal perubahan interpretasi undang-undang ini biasa juga di mahkamah, banyak kita di sebelah kiri kanan ini *lawyer*. *You lose your case, you appeal again, because arguments maybe* tidak cukup kukuh dan seterusnya. Akan tetapi mari kita buka, okey saya meminta pihak Tan Sri ataupun *legal advisor* jawab dahulu yang saya katakan tadi, *we 100% sure, we are not infringing into the right to vote*. *I think* bagi beberapa orang daripada kami itu yang- kalau cakap ini termasuk dalam ruang peraturan di mana SPR berkuasa penuh menentukan identifikasi itu adalah cara ini dan boleh tetapi kita minta - *otherwise* ini adalah persetujuan kami semua tetapi belum secara rasmi resolusi tetapi perlu lagi beberapa penerangan. Sila Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberikan beberapa pandangan berkenaan dengan yang lepas. Dakwat yang lepas dan pada masa itu saya masih ingat, saya adalah KSU di Kementerian Dalam Negeri. Saya dimaklumkan bahawa cadangan yang dibawa itu tidak bersesuaian dengan Perlembagaan pada masa itu. Apabila saya menjadi Pengerusi SPR sekarang ini, saya bertanya dengan pegawai-pegawai saya termasuk Yang Berhormat Datuk Wira Wan Ahmad yang berada di situ, menyatakan bahawa pertama sekali ia bertentangan dengan Perlembagaan. Pandangan pada masa itu kerana seperti kata Yang Berhormat Kangar tadi, ada pilihan kalau pengundi itu tidak mahu menggunakan *ink*, dia boleh mengisi borang tertentu.

Jadi, kalau keadaan ini berterusan, maknanya pelaksanaan untuk menggunakan dakwat kekal itu tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya. Kedua, pada masa itu juga saya dimaklumkan bahawa ada dakwat-dakwat yang telah diperoleh di beberapa tempat berhampiran dengan sempadan. Saya sendiri pun yang menyediakan jawapan-jawapan di Parlimen pada masa itu di KDN. Jadi, itu yang lepas Yang Berhormat, saya berharap sangat pada masa ini, kita SPR telah membuat keputusan untuk menggunakan dakwat kekal dan kita telah *refer* kepada Jabatan Peguam dan sebagainya, mengatakan tidak perlu dipinda Perlembagaan tetapi hanya perlu ada di dalam peraturan sahaja. Cuma di dalam peraturan itu kita memastikan mereka tidak ada pilihan, kalau mereka datang, tidak mahu dicalit dakwat kekal pada jarinya, maka orang berkenaan tidak boleh mengundi, tidak ada boleh mengisi borang. Jadi, mengikut Jabatan Peguam Negara boleh begitu.

Dalam hal seperti ini, jika sekiranya - bukan bermakna saya tidak boleh melaksanakan tugas ini, umumkan serta-merta, saya boleh buat.

Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, saya menghormati Jawatankuasa ini yang mengatakan boleh dibuat secara *interim report*. Saya tidak mahu tunggu sampai enam bulan, bulan April akan datang baru saya boleh bergerak. Sebenarnya, dalam *Constitution*, saya boleh tetapi kita tidak mahu bertelagah pula dengan rakan-rakan di sini, mengatakan SPR ini besar kepala pula, itu maksud saya. Jadi, kalau misalnya semua di sini bersetuju Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Resolusi kami buat...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Saya berharap sangat Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** ...Pada mesyuarat akan datang.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** ...Terutama yang mengenai dakwat kekal ini, kita sedia melaksanakan untuk PRU Ke-13.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Hulu Selangor.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** ..Sebelum berpindah kepada tajuk-tajuk...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Pengerusi SPR, terima kasih dan tahniah kerana sudi mengambil keputusan yang memang progresif. Ini merupakan satu pendapat bukan sahaja Jawatankuasa Pilihan Khas ini tetapi ini juga keperluan yang diminta oleh rakyat. Saya bersetuju benar, jangan kita pandang ke belakang. Perkara yang berlaku lepas itu jangan kita ketengahkan lagi, biar *moving forward*. Ini keputusan yang baik dan saya juga menghormati keputusan Tan Sri kerana memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Jawatankuasa ini. Saya sedar bahawa Tan Sri ada kuasa untuk memaklumkan dan memberi pengumuman tetapi *the fact* Tan Sri mengatakan menghormati Jawatankuasa ini, saya menghormati Tan Sri dan juga SPR kerana mengambil keputusan seumpama itu. Terima kasih Tan Sri.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Satu lagi, saya hendak sambung sedikit Tan Sri. Saya hendak *reservation*, bukan *reservation*, saya hendak menyatakan di sini bahawa kita perlu mendapatkan kepastian dari segi perundangan. Sebab dahulunya itu, ia mengatakan melanggar peraturan kononnya, sekarang okey... [Ketawa] Akan tetapi sekarang ini kita hendak membuat prosedur yang mengatakan bahawa tidak ada proviso, tidak ada pilihan, kalau tidak mahu dicalit, tidak boleh mengundi. So, kita hendakkan kepastian pula sekarang ini bahawa *that is not against the rights of a citizen to vote*. Saya tidak hendak selepas ini ada pula undang-undang mengatakan mereka melanggar undang-undang, tidak boleh, ini saya tidak mahu.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, kalau ada undang-undang, SPR mesti tahu artikel berapa, undang-undang berapa, dia mesti tahu sebelum...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** [Menyampuk]

**Tuan Wee Choo Keong:** ...Hendak beli *ink* itu, SPR telah tahu. Takkanlah SPR hendak membazirkan wang rakyat berjuta-juta ringgit tanpa tahu - pengetahuan daripada undang-undang.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Pihak SPR pun hendak input daripada kita dalam perkara ini.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya hendak beri...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, satu sahaja *point*. Okeylah, saya bersetuju, *we have to move forward* tetapi saya hendak sekali lagi seperti saya katakan, Jawatankuasa ini kena tegas. Sekarang ini SPR kata mereka sudah bersedia untuk melaksanakannya, tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan yang diingatkan oleh Tan Sri tadi. Akan tetapi kami hendak tahu Perlembagaan mana yang dilanggar dahulu, Perlembagaan mana yang tidak dilanggar sekarang. Peraturan mana yang kononnya dilanggar dahulu, peraturan mana yang dilanggar sekarang, sebab ini masalah keyakinan, *public confident* terhadap SPR.

Hari ini Tan Sri kata, kami sudah bersedia. 2008 bukan sudah bersedia, sudah membeli, pun tidak melaksanakannya, apakah lagi sudah bersedia, betulKAH ini? So, *how do you convince the public?* Yes, *we are ready*, tidak bercanggah, ini artikelnya, ini peruntukannya, ini undang-undangnya. *That is the rule*. Jangan tunggu kami. *We do not have the details*. Kami di sini hanya hendak *facilitate*, membantu supaya *public confidents* pada SPR itu dapat dikembalikan.

#### ■ 1350

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu niat kami. Saya setuju. Kedua Tan Sri, walaupun ini cerita lama sedikit. Tan Sri kata, Tan Seri ketika itu KSU KDN sudah tentulah *intelligentnya* banyak dan maklumat-maklumat perisiknya banyak. Ada maklumat mengatakan ada dakwat-dakwat yang telah dikesan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ada.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kami pernah tanya dalam Parlimen di mana pendakwaannya, siapa yang terlibat?

Sebentar tadi Tan Sri kata Tan Sri ketika itu bukan Tan Sri Pengerusi SPR tetapi Tan Sri KSU KDN. Bolehkah Tan Sri memaklumkan siapa yang terlibat? Di mana pendakwaan, di mana status kes itu pada ketika itu?

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat, *to be fair* sewaktu itu belum diterima secara formal. Jadi bagaimana hendak tangkap orang buat kesalahan sebab mahu *basis to charge you know*. Okey.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Jawapan yang saya dapat dahulu Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Nanti langsung semua. Yang Berhormat Kapit mahu beri buah fikiran.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Saya ini hendak penjelasan sahaja sebab kita mendengar pada tahun 2008 dahulu pun kita telah mendapat dakwat itu. Cuma kita hendak penjelasan, di manakah dakwat itu sekarang?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya?

**Seorang Ahli:** Dalam *store*.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Memang dalam *store*..., dimusnahkan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Dakwat berkenaan sudah dimusnahkan mengikut prosedur perolehan oleh Kementerian Kewangan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okeylah kalau begitu, jadi belanja yang telah dibelanjakan itu pun musnahlah terus?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya, musnah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Prosedur untuk mendapatkan dakwat itu berapa lama kalau hendak mendapat yang baru, *how long do you take to procurement process?*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *Well*, mengikut kata setiausaha saya di sini dua bulan.

**Tuan Pengerusi:** Dua bulan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Dua bulan dan kita perlu pastikan warna-warna yang unik.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, dua bulan pasti tiada pilihan rayalah ini?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Azizi bin Mohd Yusof:** Tidak. Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Saya bergurau saya sahaja.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Azizi bin Mohd Yusof:** Jadi, maknanya...

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, bolehkah kita dapat satu peraturan yang mana masa itu bercanggah?

**Tuan Pengerusi:** Okey, untuk ini saya mohon...

**Tuan Wee Choo Keong:** Kalau kita gunakan dakwat *ink indelible* ini akan bercanggah dengan peraturan berapa atau pun artikel berapa dalam Perlembagaan?

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya hendak...

**Tuan Wee Choo Keong:** Sekarang bercanggah dengan...

**Tuan Pengerusi:** Untuk itu saya minta pihak SPR membekal kepada kita lebih *detail* yang menyeluruh di mana peraturan-peraturan atau pun Perlembagaan - Ya, secara bertulis seperti yang dikehendaknya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, *I think...*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau boleh jawab sekarang boleh dan disusuli dengan pengedaran maklumat. Saya rasa kalau ada keraguan, ini sahaja keraguan yang ada pada kami iaitu jika ada *challenge* kepada seseorang yang haknya untuk mengundi itu ditolak kerana dia tidak mahu mengikut arahan atau peraturan, adakah Perlembagaan kita ini, ada peraturan yang lain boleh menjamin bahawa proses tidak terganggu. Boleh minta penjelasan seksyen-seksyen yang tertentu dan penjelasan yang terkinilah berbanding dengan yang dahulu.

**Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff:** Ya, kalau yang terkini Tuan Pengerusi, adalah kita cuma perlu meminda peraturan 19. Jadi membolehkan perkara ini dilakukan, dasar SPR ialah bahawa mana-mana orang yang enggan jarinya dicalit tidak akan dikeluarkan kertas undi kerana walaupun orang itu adalah pemilih berdaftar tetapi dia juga tertakluk kepada peruntukan undang-undang.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff:** Kalau undang-undang kata *this is how you do it*, kita terpaksa *followlah*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *I think...*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, Tuan Pengerusi. Ini yang saya hendak. Peruntukkan yang sama itu ada tahun 2008 tetapi tidak boleh, sekarang boleh. Saya tidak mahu ini tafsiran. Mengikut pengalaman saya kalau kes-kes khusus seperti ini, jabatan atau pun SPR sendiri akan merujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapat pandangan mereka.

Di mana pandangan itu? Saya hendak hitam putih. Jawatankuasa perlu dibekalkan dengan hitam putih. Saya tidak mahu tafsiran pegawai undang-undang yang akhirnya dia akan lepas tangan. Kemudian esok kerajaan kata, “*Oh! Tidak boleh dilaksanakan*” Then, siapa yang harus dipertanggungjawabkan? Sekarang kalau saudara mengatakan bahawa tidak perlu pinda Perlembagaan hanya peraturan 19. Siapa kata..., apakah AG Chambers? *Where is the document* yang mengesahkan bahawa setelah diteliti tidak perlu pindaan Perlembagaan? Saya tidak meminta sesuatu yang sukar. *This is straight forward document* yang perlu kita bekalkan dalam jawatankuasa ini sebelum kita membuat rumusan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, ada apa-apa penjelasan terhadap itu?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kalau begitu nanti kita bawalah, kita bekalkanlah.

**Tuan Pengerusi:** Bekalkanlah kepada Jawatankuasa secepat mungkin. Kita hendak bantu dalam perkara ini hanya kita mahu apa keraguan itu perlu kita kikiskan. Kalau ada keraguan, saya rasa teknologi kita tidak ada keraguan. Ini soal berkait, *rights* dan undang-undang dalam kaitan ini, *so just* beri ulasan tentang itu.

**Tuan Wee Choo Keong:** Selanjut itu Tuan Pengerusi, selanjut daripada apa yang disebutkan dan dinyatakan oleh *legal advisor* itu...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya hendak rujuk satu *observation* dalam penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan mengenai pilihan raya tahun 2001 ini...

**Tuan Pengerusi:** Ya, dikatakan untuk potong jalan.

**Tuan Wee Choo Keong:** *No, no*, yang di...

**Tuan Pengerusi:** Ada kaitan dengan dakwat?

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Wee Choo Keong:** Pada muka surat lapan, ya... [*Merujuk Perlembagaan Persekutuan*]

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Apa yang dinyatakan dalam isu nombor 7. Isu penggunaan dakwat kekal *indelible ink*. Cadangan penggunaan dakwat kekal (*indelible ink*) terpaksa dibatalkan atas beberapa sebab. Selain atas sebab keselamatan sepertimana yang telah diumumkan oleh Pengerusi SPR pada 4 Mac 2008, cadangan tersebut juga didapati bercanggah dengan fasal 1, Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Pengerusi:** Perlu *update*.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, yang menjamin hak seseorang pemilik mendaftar untuk mengundi. Jadinya apa yang disebutkan oleh *legal advisor* ini kata perlu tukar Peraturan 19 ini tidak tepat. Kalau kita merujuk kepada buku ini, ini telah menyatakan dengan jelas bercanggah dengan Perlembagaan Artikel 119.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Kalau bercanggah dengan Artikel 119, apa peraturan pula? Saya nampak di sini - maaf Tuan Pengerusi, saya nampak seperti tangan sebelah kiri dengan sebelah tangan kanan ini tidak *synchronize*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *I think* - Seperti yang dijelaskan itu buku ketinggalan masa sudah...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu Yang Berhormat, ia sudah agak ketinggalanlah, ia dikeluarkan April, Julai.

**Tuan Wee Choo Keong:** Kenapa diedar?

**Tuan Pengerusi:** Barangkali bolehlah diambil semula.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sebab di situ ada juga isu-isu lain juga di situ.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** ...Untuk pengetahuan.

**Tuan Wee Choo Keong:** *No* tetapi ini amat serius Tan Sri.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini Perlembagaan. Kita quote, memetik...

**Tuan Pengerusi:** Ya, tidak mengapa biar dia beri penjelasanlah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Satu perlembagaan Artikel 119. Semasa kita memetik ini, satu badan yang berkuasa mesti telah dapat nasihat daripada sekurang-kurangnya daripada AG Chambers ataupun *legal advisor*.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Wee Choo Keong:** Kita tidak boleh ikut bercanggah dengan Perlembagaan. Ini amat serius.

**Tuan Pengerusi:** Tidak mengapa ini saya rasa kita ambil perhatian kepada apa yang telah disentuh...

**Tuan Wee Choo Keong:** Bolehkah kita kata buku ini tidak betul Tan Sri?

**Tuan Pengerusi:** Tidak, buku itu okey tetapi tajuknya yang satu itu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Saya katakan tadi satu dokumen lain akan dibawa ke sini menyatakan bahawa mengikut Perlembagaan Malaysia sekarang ini mengundi menggunakan dakwat kekal boleh tanpa pindaan Perlembagaan. Apa yang kita hanya perlu pinda hanya peraturan, Encik Azhar.

**Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff:** [Mengangguk]

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Jadi kita maknanya, tujuan SPR di sini adalah untuk menggunakan satu kaedah verifikasi dakwat kekal dalam pilihan raya akan datang dan dari segi pendapat daripada beberapa agensi yang kita refer mengatakan kita boleh, yang terbaru.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak boleh Tan Sri. Ini kerana Artikel 119 ini bercanggah dengan Artikel 119 Perlembagaan. Perlembagaan negara kita adalah yang tertinggi sekali.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi itulah Yang Berhormat...

**Tuan Wee Choo Keong:** Parlimen pun tidak boleh hendak kata, "Oh! Kita tidak peduli"

**Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff:** Saya akan rujuk. Kalau begini perkaranya kita akan merujuk kepada pihak yang berkenaanlah iaitu AG Chambers.

**Tuan Wee Choo Keong:** Jadi, belumlah? Jangan kata Peraturan 19.

**Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff:** Tidak, saya...

**Tuan Wee Choo Keong:** Kalau bercanggah dengan Artikel 119...

**Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff:** Can I explain please?

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff:** Saya telah rujuk tetapi apabila Yang Berhormat timbulkan perkara lama saya tidak mempunyai pengetahuan. Saya tidak ada. Akan tetapi sekarang saya sudah rujuk...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Encik Mohd Azhar bin Mohd Yusoff:** ...Dan kita akan berikan dokumen itu.

**Tuan Wee Choo Keong:** Jadinya?

■ 1400

**Encik Mohd. Azhar Mohd. Yusoff:** Itu adalah pandangan undang-undang daripada AG Chambers.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong:** So, siapa yang bertanggungjawab dengan ini?

**Encik Mohd. Azhar Mohd. Yusoff:** Saya tidak tahu. Saya tidak berada di situ.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak tahu pula.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, saya lihat, saya ingat saya minta maaflah. Kalau sikap begini bahaya. *I was not there, so I do not take any responsibility.* Tanya Pengerusi tadi, ketika itu saya bukan pengerusi. Ini bukan soal personaliti di tempat itu. Ini soal *institution*. *Institution* mesti mempertahankan satu dasar yang jelas, peruntukan yang jelas, Perlembagaan yang jelas. Sekarang *you* kata kita perlu rujuk. Tadi pengerusi beritahu sudah rujuk. Jadi, sebab itu bila kalau sudah rujuk, kami hendak lihat di mana rujukannya *but now*, kalau penasihat undang-undang sendiri mengambil pendirian yang berbeza daripada pengerusi, *how do you expect the public* ada *confident* dengan SPR begini. Itu yang pertama.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kedua, kalau – minta maaf Tuan Pengerusi. Saya tidak setuju kalau mengatakan, tidak mengapalah, ini bukan penting. Ini kalaupun dokumen mungkin satu dua bulan yang lepas tetapi *you are presenting this document* kepada Jawatankuasa Parlimen. *You* perlu letak satu dokumen yang tepat dan memberi fakta yang betul. *Do not* edar kepada Jawatankuasa dokumen yang tidak tepat.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi dia sudah perjelaskan pendekatan dia yang baru.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, setelah kita *highlight*. Setelah kami bangkitkan. Tidak ada seorang pun pegawai tertinggi SPR beritahu, jangan ambil klausa itu, itu sudah *obsolete*, tidak ada. Apakah ini dalam keadaan SPR hendak meletakkan harapan pada PSC tetapi PSC tidak dibekalkan dengan dokumen yang tepat dan menyeleweng, bagi saya *mislead the* Jawatankuasa. Ini bahaya. Oleh sebab itu bagaimana kami boleh bantu, *facilitate* SPR untuk kembalikan *confident* kalau ini berlaku.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya tidak berpuas hati dengan jawapan diberi Tuan Pengerusi. Saya hendak secara bertulis, ulasan daripada Jabatan Peguam Negara, bukan tafsiran Pegawai Undang-undang SPR kerana ia melibatkan Perlembagaan Persekutuan yang terang-terang bercanggah tetapi bila dengar daripada tafsiran pegawai, dibolehkan. Apa hak pegawai undang-undang mengatakan dibolehkan tanpa ada ulasan daripada Jabatan Peguam Negara. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sedikit sahaja. Sedikit tambahan.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum kita *move on*, saya buat nanti...

**Tuan Loke Siew Fook:** Selain daripada dokumen yang perlu dibekalkan daripada Pejabat Peguam Negara dan sebagainya, saya minta supaya SPR tarik balik buku ini. Ini kerana sekiranya ayat ini tertera dalam buku ini, buku rasmi yang dikeluarkan SPR, nanti tidak ada jaminan bahawa apabila kita buat keputusan hendak buat dakwat kekal ini, sebelum pilihan raya ada seorang dua pergi mahkamah minta *injunction* supaya diberhentikan kerana SPR kata bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan sebab ini buku rasmi yang dikeluarkan oleh SPR. Jadi, sepatutnya buku ini ditarik balik kerana apa yang ditulis di sana hanya satu pendapat. Akan tetapi pendapat itu mungkin diikut oleh seseorang itu...

**Tuan Pengerusi:** Pendapat yang sudah berubah.

**Tuan Loke Siew Fook:** ...Apa yang tidak tepat pada ketika ini. Mungkin ada seseorang, dia boleh membawa berdasarkan ayat yang dikeluarkan oleh SPR ini, bawa ke mahkamah, membuat injunksi dan tidak dapat dilaksanakan. *It defeats the whole purpose.*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Saya rasa dalam perkara khusus dakwat ini cukup jelas bahawa pada dasarnya memang di kalangan kami memang begitu terbuka sekali. Hanya permintaan ulasan dari segi Peguam Negara, khusus dalam perkara ini kerana penjelasan pada sebelum ini adalah berbeza. Tambahan pula pendekatan dan ketetapan yang diutarakan melalui maklumat yang di bekal itu sudah pun lapuklah dengan pendekatan yang telah pun dibentangkan kepada kita. So satu, ulasan secara muktamad daripada Peguam Negara untuk dibekalkan kepada pihak Jawatankuasa. Kedua, membentulkan maklumat yang ada di sana kerana ia tidak sesuai lagi dengan peredaran.

**Tuan Wee Choo Keong:** *No.* Ini satu istilah yang...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi yang lain itu semua okey, hanya *that* seksyen.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *We want to retract.* Bagi saya, kami minta *retract because this is a public document.*

**Tuan Wee Choo Keong:** Kita tidak mahu SPR mengelirukan atau *mislead* rakyat.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang Berhormat, saya tidak nampak susahnya hendak tarik balik. *No problem. I think* SPR akan tarik balik. Tidak ada masalah. Akan tetapi pada sayalah...

**Tuan Pengerusi:** Ya. *It is not really a submission, it is an accompanying document given to us so,* boleh. Nanti serah balik kepada mereka.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tarik balik.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang Berhormat, saya tidak nampak susahnya SPR hendak tarik balik. Tidak ada masalah. Akan tetapi, saya hendak pegang soal ini 119. Ini yang soalnya saya hendak buka, sebab apa?

Nanti saya hendak ceritakan. Artikel 119 *talks about the Constitution*, yang tadi cerita ini tentang peraturan. Peraturan *is a child of an act*, Akta Pilihan Raya. Akta itu yang digubal oleh Parlimen tetapi peraturan ini dibuat oleh SPR sendiri. Jadi, apa yang diterangkan oleh SPR tadi bahawa peraturan itu boleh digubal oleh SPR, disembah kepada Yang di-Pertuan Agong dan diletakkan dalam Parlimen. Kita setujulah.

Akan tetapi apabila disebut 119 *of the Constitution* dilanggar, itu yang membimbangkan saya. Oleh sebab itu saya katakan tadi, dahulu mengatakan melanggar, sekarang tidak melanggar. Saya tidak hendakkan lepas ini melanggar pula. Ini yang saya tidak hendak. Oleh sebab itu yang dibangkitkan Yang Berhormat Gombak tadi.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Cukup jelas.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *We want a real definition or* satu letter, surat daripada AG mengatakan memang tidak melanggar 119.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Yang Berbahagia Tan Sri, kalau dari segi maklumat yang di bekali, kita kembalikan kerana ia tidak sempurna mengikut ketetapan yang terbaru. *You can re-submit to us* apa-apa penambahbaikan dari segi situ. Kedua, ulasan AG daripada untuk ke Jawatankuasa ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tempoh masa Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Kalau boleh ulasan ini boleh *by next Monday?* Hari Isnin. Ini kerana kemungkinan kami panggil satu mesyuarat tambahan sebelum *Public Hearing*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Monday* cuti.

**Tuan Pengerusi:** Selasalah. *Free for the weekend.*

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, *I think* kita ada beberapa isu lagi hendak tanya SPR.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *sure*. Belum habis.

**Tuan Wee Choo Keong:** Belum habis. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Ini tutup dakwat dahulu. Ini kembalikan. Tarik balik.

**Seorang Ahli:** Sudah tarik ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Sudah ditarik. Perbetulkan dahulu sebab berbeza dengan penyampaian yang telah pun diberi di sini. Okey Yang Berbahagia Tan Sri, *you have just a few more minutes*, sekejap lagi.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Kelima, berkenaan dengan cadangan SPR untuk membentangkan pindaan Akta Kesalahan Pilihan Raya. Ini berkaitan dengan beberapa perkara berkenaan dengan tafsiran yang berkaitan dengan rasuah iaitu sebelum, semasa dan selepas.

Di akta itu juga kita mencadangkan supaya memperjelaskan berkenaan dengan pelantikan agen pilihan raya serta kawalan bagi belanja pilihan raya. Akta itu juga turut meminda perkara yang berkaitan dengan penubuhan pasukan penguat kuasa yang sebelum ini ada salah faham sedikit dari segi mengatakan hanya satu sahaja penguat kuasa bagi satu Parliment. Sebenarnya tidak begitu, kita hendak pinda.

Juga berkenaan dengan jarak, 100 meter ataupun apa-apa jarak yang boleh ditentukan oleh SPR dari pusat penamaan calon. Juga jarak yang berkaitan dengan pejabat-pejabat parti daripada pusat mengundi. Juga berkenaan dengan ada beberapa perkara yang perlu dipinda iaitu seksyen 24 yang melibatkan penjara selama tidak melebihi satu tahun dan didenda tidak melebihi RM5,000 atau kedua-duanya sekali. Begitu juga di bawah seksyen 24B(ii)(a) yang berkaitan dengan kesalahan Kanun Tata Jenayah. Begitu juga berkenaan dengan 26A, pelantikan pemerhati di barung SPR. Kita juga cadangkan supaya pemerhati di barung SPR itu tidak dilantik dan sebagainya.

Semua ini kita sudah pun ada dalam cadangan pindaan Akta Kesalahan Pilihan Raya dan mungkin daripada perbincangan di sini ada lagi tambahan-tambahan yang perlu dibuat. Jadi, itu yang kita terpaksa *hold on* pembentangan ini. Cadangan asalnya, kita cadang hendak bentang pada sesi Oktober ini tetapi kerana adanya perjumpaan penubuhan Jawatankuasa Khas ini, maka cadangan pembentangan ini ditangguhkan.

#### ■ 1410

Jadi itu sahaja lima perkara yang kita dapati perlu disegerakan di peringkat SPR dan yang keenamnya berkenaan dengan cadangan memperkasakan struktur organisasi SPR iaitu yang kita edarkan kertas yang merah itu iaitu untuk memastikan bahawa SPR mempunyai lebih kuasa ataupun lebih bidang-bidang tertentu ditambah pegawaiannya seperti di Pejabat Setiausaha kita ingin menambah Pejabat Penasihat Undang-undang daripada sekarang ini hanya seorang ditambah lagi kepada empat. Begitu juga Seksyen Perhubungan Awam kita hendak perbaiki, Seksyen Audit hendak dipertingkatkan. Begitu juga hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan, hal-hal yang berkaitan dengan hubungan antarabangsa, hal-hal yang berkaitan dengan persempadanan, perjalanan pilihan raya, Akademi Pilihan Raya bercadang untuk menubuhkan satu Akademi Pilihan Raya bagi menambah peluang-peluang latihan.

Begitu juga kita hendak mempertingkatkan ICT dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kuasa undang-undang supaya SPR ini dapat diperkuuhkan lagi. Begitu juga di pejabat-pejabat negeri, kita pertingkatkan jumlah pegawaiannya. Mudah-mudahan dengan cara itu, SPR lebih kuat lagilah daripada sekarang, *insya-Allah*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya buka...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang Berhormat, sebelum kita pergi kepada perbincangan yang mana kami semalam telah berbincang dan mendengar pandangan daripada barisan Jawatankuasa sendiri. Sebelum itu saya hendak tanya sedikit kepada satu, dua, tiga, empat lima perkara tadi yang dibangkitkan iaitu perkara ketiga tadi iaitu *advance voting* atau undi awal yang disebutkan oleh Tan Sri tadi.

Saya terbaca dalam surat khabar kalau tidak silap saya seminggu sudah yang menyatakan bahawa SPR ingin hendak meluaskan lagi bilangan ataupun kumpulan-kumpulan yang akan dimasukkan dalam kumpulan yang diberi kemudahan untuk mengundi awal. Adakah itu betul seperti jururawat. Begitulah lebih kurang kalau tidak silap saya terbaca di dalam surat khabar. Jadi adakah itu betul? Itu yang saya hendak minta penjelasan daripada Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pada masa ini Yang Berhormat Kangar, kita dari segi hendak meluaskan kumpulan di dalam negara kita selain daripada polis dan tentera, kita juga ingin meluaskan penggunaan undi pos ini kepada kumpulan-kumpulan yang lain.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Undi poskah atau undi awal?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kepada undi awal pun boleh dipertimbangkan. Maknanya contohnya katakanlah petugas-petugas SPR. Pada masa ini petugas SPR ini jika sekiranya mereka opsyen untuk mengundi lebih awal daripada undi biasa, pada masa ini mereka memilih untuk mengundi pos. Jadi kalau misalnya ada undi awal ini diperkenalkan, mungkin kita boleh tambah kumpulan-kumpulan ini dalam undi awal berkenaan dengan syarat boleh dimasukkan di dalam undang-undang.

Akan tetapi dalam hal undi pos memang ada satu peraturan menyebutkan bahawa SPR boleh membuat penambahan kepada kumpulan-kumpulan yang lain yang tidak boleh mengundi pada hari mengundi untuk membolehkan mengundi secara pos tetapi undi awal ini peraturannya sedang dirangka sekarang dan perkara ini jika sekiranya keputusan boleh dimasukkan juga kumpulan-kumpulan lain dalam undi awal ini, kita akan membuat keputusan begitu.

**Datuk Alexandre Nanta Linggi:** Tuan Pengerusi, yang sebenarnya keraguan kita dengan undi pos ini adalah supaya bilangan yang selama ini mengundi pos jauh dikurangkan, bukan dikembangkan untuk mengelakkan tertentu. Jadi undi awal ini sepatutnya kita buat sekarang dan undi pos ini sepatutnya jauh dikurangkan. Itu sahaja.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Itu yang saya tanya dan kerana itu saya tanya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Hulu Selangor sebelum Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Undi awal, undi pos *it two different way of voting*. Berapa peratus pengundi pos dan berapa peratus pengundi awal sekarang contoh 2008, berapa ramai pengundi pos dan berapa ramai pengundi awal? Adakah kerana ada yang cuba...

**Tuan Pengerusi:** Pengundi awal itu baru diperkenalkan, bukankah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pengundi awal sekarang ini tidak ada lagi Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Semua pos?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sekarang ini kita hendak ambil undi pos ini kepada tentera dan polis. *Instead of* dia mengundi pos, kita hendak yang boleh dikumpulkan di dalam dewan, dalam bangunan pada masa tertentu dia menggunakan undi awal sama seperti undi biasa tetapi tarikhnya diawalkan.

**Tuan Pengerusi:** Peti pengundian semua itu sama dengan standard punya?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sama. Akan tetapi dalam masa yang sama daripada kajian kita, bilangan yang kecil terutamanya di kalangan tentera terpaksa menggunakan undi pos kerana mereka bertugas di perbatasan, bertugas di tempat-tempat tertentu yang tidak membolehkan mereka berkumpul beramai-ramai pada hari mengundi berkenaan tetapi bilangannya kecil.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terima kasih Tan Sri.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tan Sri, saya tahu bahawa tahun 2008 ada 221,000 undi pos mengikut rekod SPR dan juga ada mereka yang mengundi awal. Ini bermakna dia mengundi dua, tiga hari sebelum itu di balai-balai polis di mana diaturkan pengundi awal. Dia undi awal tetapi dia tidak dinamakan undi awal, ia undi pos walaupun dia mengundi awal di mana semua ejen daripada parti-parti yang bertanding ada menyaksikan mereka mengundi.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Itu yang saya maksudkan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Ya, Yang Berhormat betul tetapi sebenarnya yang itu pun kaedah undi pos dengan menggunakan beg pos, dalam pos surat.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tahu tetapi dia undi awal.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya, tetapi pada masa itu dipanggil undi pos juga Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Betul, tidak ada undi awal tetapi dipanggil undi pos juga.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu yang kita hendak sekarang iaitu hendak pinda supaya ia menjadi undi awal dan tidak lagi menggunakan sampul surat 'A', sampul surat 'B', sampul surat keutamaan, *identity form* tetapi undi biasa.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Itu yang saya maksudkan tetapi walaupun dipanggil sebagai undi pos tetapi ia undi awal. Saya rasa kita harus mengadakan satu takrifan yang telus dengan apa yang dimaksudkan sebagai undi pos dan apa yang dimaksudkan sebagai undi awal, siapa yang layak undi pos dan siapa yang layak undi awal.

Satu lagi aspek yang kita harus juga beri perhatian ialah undi mereka yang berada di luar negara. Setakat ini bagaimana prosesnya semasa PRU yang kedua belas 2008, ada berapa ramai pengundi-pengundi yang kita hantar *ballot paper* ini kepada mereka yang berada di luar negara dan mereka yang mendaftar ada atau tidak *ballot paper* itu dipulangkan apabila telah diundi, minta sedikit penjelasan sahaja? Terima kasih Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Undi pos saya perlu notis tentang bilangan itu Yang Berhormat untuk didapatkan secara *detailnya* tetapi undi pos perlu dikenalkan kepada pengundi-pengundi kita orang Malaysia yang berada di luar negara. Pada masa ini yang dibenarkan di bawah undang-undang hanyalah kepada pertama pegawai-pegawai kerajaan dan pasangan masing-masing.

Kedua pelajar sepenuh masa dan pasangan masing-masing. Selain daripada itu tidak di dalam takrifan undi pos di luar negara. Jadi dalam perancangan SPR juga supaya hendak meluaskan undi pos ini kepada *Malaysian* di luar negara selain daripada pegawai kerajaan dan juga pelajar sepenuh masa dan pasangan.

■ 1420

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Datuk Seri, saya hendak tanya sikit.

**Tuan Pengerusi:** Tajuk yang sama?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya, tajuk yang sama. Tuan Pengerusi, undi pos ini disebut tadi— kita semua ini dirakam, ya, *Hansard*, ya?

**Tuan Pengerusi:** Yes, *Hansard*.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Akan diperkecilkan kepada sejumlah kakitangan polis dan tentera yang berada di sempadan atau yang sedang melakukan operasi. Tidak berada di kem-kem. Saya melihat dan meminta kepastian bahawa dalam perubahan ini, tidak akan ada pasangan-pasangan mereka yang akan menjadi pengundi pos sebab isteri tidak ikut operasi sempadan. Isteri tidak ikut operasi di pulau.

Jadi, yang ada hanya mereka dan bukan pasangan-pasangan. Pasangan di kem, saya rasa itu yang kita sebut kenapa pasangan-pasangan ini tidak menjadi pengundi biasa. Tidak perlu undi awal pun sebab mereka bukan beroperasi dan mereka berada di satu tempat di mana mereka berada di tempat kawasan mereka mengundi. Jadi, itu saya hendak minta kepastian yang lebih jelas.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kita punya cadangan ini, dalam peraturan undi awal ini, pasangan kepada tentera ataupun polis yang terlibat di dalam operasi, mereka adalah mengundi awal. Mereka tidak mengundi pos. Ini cadangan kita.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Kenapa tidak menjadi pengundi biasa sebab mereka tidak ada apa-apa masalah dari segi *timing* atau masa mereka berada di situ. Saya melihat ini Tan Sri bukan apa. Bila kita golongkan sesuatu kelompok mengundi luar waktunya, ia ada satu kesan psikologi yang mereka ini sedang diperhatikan dan undi mereka ini di dalam peti yang khusus. Walaupun kita boleh beri jaminan bahawa undi mereka rahsia dan tidak akan apa-apa terdedah melainkan mahkamah mengarahkan buka tetapi oleh kerana mereka berada di dalam satu kelompok yang *captive* begitu, jadi kita memberikan satu kesan. Jadi, kalau boleh mereka yang tidak ada kaitan operasi dan masa mereka tidak terjejas dengan apa-apa, dibenarkan ataupun dimestikan mengundi biasa pada tarikh yang lain mengundi.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau boleh Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar?

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]:** Terima kasih Datuk Seri dan terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pasangan kepada anggota tentera ini memang atas permintaan Angkatan Tentera Malaysia. Dalam perbincangan kita, mereka minta pasangan mereka ini mengundi pos mengikut undang-undang lama. Akan tetapi sekarang ini SPR telah hendak memperkenalkan sistem undi awal. SPR mewajibkan pasangan tentera ini mengundi awal. Soalannya, kenapa tidak membiarkan mereka jadi pengundi biasa?

Persoalan yang timbul, kalau mereka jadi pengundi biasa, maka hak mereka untuk memilih di mana sahaja mereka mengundi tidak boleh disekat. Mereka boleh balik mengundi ke Kelantan, ke Terengganu atau ke mana-mana di kampung halaman mereka. Jadi, atas permintaan suami dan anggota tentera, sebab itu dahulunya mereka ini tergolong sebagai pengundi pos. Akan tetapi sekarang ini kita wajibkan dia mengundi awal untuk mengelakkan itulah.

Untuk mengelakkan daripada hak dia kata kalau sudah saya menjadi pengundi awam biasa, saya berhak balik mengundi ke Melaka atau ke mana-mana yang saya suka.

Atas permintaan, maka mereka rasa lebih baik – now, SPR sudah mewajibkan mereka mengundi awal. Sama jugalah. Mereka akan mengundi awal dan mereka tidak akan balik ke kampung itu. Itu satu alasan yang diminta oleh Majlis Angkatan Tentera semasa kita berbincang kenapa pasangan mereka ini hendak mengundi pos. Sekarang kita sudah menetapkan dengan Majlis Angkatan Tentera yang mereka akan wajib mengundi awal. Jadi, itu sahaja jawapannya, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat nampak itu masih lagi tidak sesuai tetapi itu adalah hak dia. Once dia telah ditakrifkan sebagai pengundi awam, maka dia berhak untuk mendaftar di mana sahaja mengikut alamat kad pengenalannya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu persoalan kita. Mengapa tidak dibenarkan? Mengapa pengundi-pengundi pasangan-pasangan ini, dia punya hak itu ditentukan oleh Majlis Angkatan Tentera?

**Tuan Pengerusi:** Dan suaminya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau tentera yang bertugas di perbatasan, di pulau, okey. Itu soalan keselamatan. Kita tidak mahu mempertikaikan. Kita pun bersetuju supaya proses itu, mekanisme itu dipertahankan dan diperbaiki. Akan tetapi untuk isteri, seolah-olah sekarang ini Majlis Angkatan Tentera yang menentukan. Sekali lagi saya kira, SPR sebagai badan bebas menasihati kepada Majlis Angkatan Tentera bahawa inilah yang menimbulkan tohmahan-tohmahan. Bagi kami, tidak mahu lagi tohmahan ini berterusan. Kita hendak satu sistem yang telus. Maka, isteri yang tidak terlibat dengan proses di perbatasan, yang duduk di kem, harus dibenarkan sebagai undi awam untuk memilih haknya sebagai rakyat Malaysia, memilih di kawasan yang dia hendak mengundi.

**Tuan Pengerusi:** Inilah yang dikatakan...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ini saya ingat tanggungjawab SPR.

**Tuan Pengerusi:** ...Yang Berhormat Gombak, dikatakan juga tadi suami merayu kepada Majlis supaya undi sama-sama. So, nanti...

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi masalahnya Tuan Pengerusi, kebanyakan isteri bukannya duduk dalam kem. Dia duduk dekat luar. Dia bukannya duduk dengan suaminya atau tentera di dalam kem itu.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Loke Siew Fook:** Yalah memang ada tetapi ada juga banyak yang duduk di luar.

**Tuan Pengerusi:** Pegawai atasan di luar barangkali tetapi tentera biasa di dalam. Anyway, saya rasa ini kita boleh lawat balik.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Akan tetapi bagi saya yang penting SPR itu sendiri sebagai satu badan yang bebas memberikan nasihat demi kebaikan proses pilihan raya. Itu *principle*nya begitu. Soal suami hendak rayu isteri mana kita tahu, Tuan Pengerusi. Kalau kita guna itu sebagai alasan, maka SPR setuju isteri ikut suami. Semenjak bila suami boleh membuktikan isteri itu merayu di mana. Kita tidak tahu so, as a matter of principle, hak mengundi itu supaya telus dan bebas. Itu yang lebih...

**Tuan Pengerusi:** Kita pun dibebaskan di mana undi awam atau undi luar.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu yang patut menjadi perhatian SPR dan bukannya *being dictated by Majlis Tentera ataupun suami dan sebagainya*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Ada satu perkara lagi?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Soalan, soalan. Katalah satu kem, ia ada 700 orang anggota yang boleh mengundi. Anggota, maknanya anggota yang lelakilah. 200 orang mereka operasi di *border*. Umpamanyalah, sebagai contoh. Jadi, dia undi, pos dia itu pergi kepada kem itulah. Kawasan Parlimen ataupun peti undi itulah. Isteri dia yang sekarang ini, mengikut prosedur sekarang ini, juga undi pos. Jadi, mereka katalah ada 350 orang isteri, jadi dia undi, dia buang undi, maka dia kira dalam pos itu juga, dalam daerah mengundi itulah. Jika kehendak yang mana disebutkan tadi, isteri balik kepada kawasan masing-masing, bermakna 350 orang itu akan berpecahlah. Baliklah pada kawasan masing-masinglah. Itu yang dimaksudkan itu. Akan tetapi yang 200 orang tadi itu yang beroperasi di *border* itu, dia masih lagi mengundi di daerah itu.

Itu yang dia hendakkan. Itu cara dia begitulah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Okey, one more. Satu lagi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Akan tetapi saya tidak nampak 350 orang itu balik kampunglah.

**Tuan Pengerusi:** Sekurang-kurangnya, maybe cadangan yang mereka bebas untuk memilih, hendak ikut awam atau bebas mendaftar di kawasan lain. Itu satu. Okey, Yang Berhormat Wangsa Maju. Ada soalan sebelum saya beralih kepada lain topik.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, saya hendak alih kepada subjek yang lain. Saya rasa ini amatlah penting oleh kerana kita ini negara yang mematuhi Perlembagaan negara kita, *Constitution*. Tan Sri tadi pun menyatakan bercanggah sana, bercanggah sini.

Akan tetapi kita tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan dan saya percaya bahawa SPR ini memang amat meneliti dengan Perlembagaan, Artikel 113 di mana Artikel 113 telah menetapkan dalam lapan tahun, SPR perlu membuat satu *delineation* ke Parlimen. Meminta Parlimen membuat *delineation* ataupun persempadanan. Saya percaya bahawa masa lapan tahun telah lebih daripada lapan tahun. Daripada persempadanan yang telah dibuat dahulu. Bolehkah Tan Sri memberikan penjelasan di sini, kenakah persempadanan semula tidak dilakukan walaupun kita telah lepas *expired* lapan tahun ini.

Ini menunjukkan bahawa SPR telah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, Artikel 113 dan tidak boleh ada alasan. Sekarang ini bagaimana? Telah bercanggah. Terima kasih Tan Sri.

■ 1430

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat, kita di peringkat SPR memang mengetahui bahawa tempoh lapan tahun itu telah sampai pada 26 Mac 2011, betul.

Akan tetapi apabila kita melihat undang-undang yang ada, peraturan-peraturan yang ada apabila kita hendak mulakan persempadanan semula, tarikh yang dipilih itu tidak semestinya mesti *on the eight year*, daripada lepas-lepas pun banyak yang bermula lewat daripada itu. Di peringkat SPR begini Yang Berhormat, dalam peraturan yang ada apabila persempadanan semula ini dimulakan pada tarikh tertentu proses persempadanan semula itu mesti disiapkan dalam tempoh dua tahun.

Jadi apabila kita membuat pengiraan Yang Berhormat, kita punya pilihan raya umum pun paling-paling lewat Jun 2013. Kalau kita mulakan persempadanan semula ini pun tempoh pun lebih kurang begitu juga. Jadi kami takut di peringkat SPR apabila kita mulakan persempadanan itu tiba-tiba diumumkan Dewan Rakyat bubar, Dewan Undangan Bubar kita terperangkap. Ini kerana di peringkat SPR ini bilangan pegawainya tidak ramai Yang Berhormat, kita ada lebih kurang 500 orang sahaja, itulah orangnya yang melakukan persempadanan semula dan hal urusan-urusan pilihan raya pun orang itu. Jadi apabila kita lihat sejarah mengadakan persempadanan semula ini, tidak semestinya mesti *on the eight year*, *on the ten year* pun ada, *on the 14 year* pun ada. Jadi kami di SPR telah membuat keputusan untuk mengadakan persempadanan semula ini selepas pilihan raya umum yang ketiga belas.

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berhormat, saya rasa alasan begini tidak berapa tepat. Maaf kerana pihak SPR boleh menjalankan tugasnya untuk persempadanan ataupun *delineation exercise*, masa pilihan raya datang, semua boleh berhenti bukannya apabila melaksanakan *delineation exercise* ini tidak boleh berhenti langsung.

Ini mesti diteruskan. Kalau lahir pilihan raya dipanggil esok, masih ada masa kerana semua benda ini boleh diberhentikan dan kita boleh menjalankan tugas pilihan raya. Saya rasa kita tidak boleh ada *one track mind* yang lain sedangkan di dalam perlembagaan menyatakan lapan tahun bukannya SPR ada hak untuk memilih sembilan tahunkah, sepuluh tahun oleh sebab ada peruntukan, *eight years*, Artikel 113 subseksyen 1 atau 2 kalau saya tidak salah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Betul Yang Berhormat, itu saya kata tadi...

**Tuan Wee Choo Keong:** Itu sudah ditetapkan, itu tidak mengatakan *eight years* atau *or whatever year that the SPR think fit*, tidak, Perlembagaan kita Artikel 113 menyatakan dengan jelas lapan tahun...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak memberikan ruang kepada SPR untuk memilih 14 tahunkah, 20 tahunkah. Jadi ini tidak ada boleh *interpretation* yang lain, perkataan *eight years* itu ada cumanya hari ini saya terlupa membawa pagi ini. Kalau tidak saya boleh...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itulah Yang Berhormat...

**Tuan Wee Choo Keong:** ...Saya boleh nyatakan, saya boleh gerenti, *eight years* itu tidak boleh menjamin, *eight years*, itu *advisor* pun ada di sini, pegawai pun ramai di sini. Saya rasa mereka pun boleh mengesahkan, lapan tahun.

Jadi Yang Berhormat saya rasa minta maaf saya memang tidak boleh terima kalau Yang Berhormat kata *eight years*, *forth teen years*, *twenty years* kalau begitu tidak payah buat pun tidak apa, kalau ada hak dan Perlembagaan tidak akan menyatakan *eight years* kalau Perlembagaan kita adalah satu sosial kontrak di mana kita perlu mematuhi *eight years*. Jadi sekarang ini SPR telah bercanggah, so saya berharap...

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat Wangsa Maju...

**Tuan Wee Choo Keong:** ...SPR teruskan *delineation exercise* ini oleh sebab *delineation exercise* ini akan memberikan satu gambaran, *level playing field* oleh SPR di mana di sini 40,000 di kawasan Gombak pun 40,000 dan di Wangsa Maju pun lebih kurang 40,000. Akan tetapi sekarang kita lihat, Putrajaya 7,000, kawasan Gombak 120 atau Wangsa Maju 100,000, Rasah 80,000. Mana ada *level playing field*. Kalau begini di kawasan Gombak kita sudah ada 12 Ahli Parlimen, di Wangsa Maju sepuluh Ahli Parlimen sekurang-kurangnya.

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat Wangsa Maju, *I think ...*

**Tuan Wee Choo Keong:** Itu paling penting...

**Tuan Pengerusi:** ...Cukup jelas...

**Tuan Wee Choo Keong:** Itu penting...

**Tuan Pengerusi:** ... Akan tetapi

**Tuan Wee Choo Keong:** *Eight years* ...

**Tuan Pengerusi:** *Constrain* yang dikatakan...

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Saya diberi nasihat oleh penasihat undang-undang dan pegawai-pegawai yang berada di SPR sebelum saya pohon mengatakan yang *eight years* itu jangan dibuat sebelum *eight years*, ia boleh dibuat selepas *eight years, not necessary must be on the eight year.*

**Tuan Pengerusi:** [Menyampuk]

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** ...Dan Yang Berhormat-Yang Berhormat...

**Tuan Wee Choo Keong:** Yang Berhormat dalam Perlembagaan tidak kata *necessary eight years*, dia kata *eight years*, dia tidak kata *not less but you must make after that straight away*. Kalau *not less means*, selepas *eight years* you kena buat, *at least* satu *report*. Sekurang-kurangnya satu *report* kepada Parlimen menyatakan apa-apa yang kita rekomendasinya...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Barangkali boleh diadakan perbincangan susulan lagipun kita akan kembali kepada persempadanan dan seterusnya *method-method, alternative rather than first the post* dengan izin, itu di bawah Kepala No.5 yang kami rujuk dokumen. Jadi sebenarnya Yang Berhormat ada satu lagi tajuk besar iaitu pembersihan ataupun daftar pemilih (*voters list*), soal semakan, soal *right to object*, soal kelayakan pinda. Kami sudah berunding beberapa ahli di sini, saya telah memutuskan untuk mengadakan satu lagi mesyuarat sebelum pendengaran awam dan ini dicadangkan pada 10 hari bulan, Khamis...

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]:** Next week.

**Tuan Pengerusi:** ...Boleh dan kami ingin pihak jawatankuasa bercadang untuk kita duduk bersama-sama dengan JPN sebab ada kaitan dengan soal kelayakan pendaftaran, pinda alamat, kalau ada bantahan kesahihan SPR kata ini bukan di sini menentukan untuk merujuk dengan JPN. Jadi kami bercadang untuk jawatankuasa ini sekali gus duduk dengan JPN dan SPR duduk bersama berkaitan dengan tajuk kelayakan dan tajuk semakan, pindaan alamat dan seterusnya...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tuan Pengerusi kalau sebelum JPN masuk boleh saya?

**Tuan Pengerusi:** Boleh barangkali masuk dahulu dan kita akan panggil bersama nanti, *first part* boleh *then after* itu - sebab nanti JPN akan mengatakan juga ada masalah *database* bersama dan soal rujukan *so maybe first* nanti dengan izin, kita boleh dengar SPR punya dan bawa dia bersama selepas itu supaya ada kes yang main *passing bakullah, sorry to say...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** So, next Thursday?

**Tuan Pengerusi:** Next Thursday boleh?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Next Thursday on the 10th...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** So we go, Thursday and Friday, Saturdaylah kan.

**Tuan Pengerusi:** Yes, kita bermesyuarat sebab pendengaran awam mulai pada 11 hari bulan kita selesaikan beberapa dengan SPR, so on 11 hari bulan *is a* Kuala Lumpur..

**Datuk Roosme binti Hamzah:** We are having the meeting on the 10th, public hearing on the 11th.

**Tuan Pengerusi:** Saya cadangkan awal supaya selesai 11.30...

**Seorang Ahli:** Sebelas setengah?

**Tuan Pengerusi:** Ya selepas soalan, kerana mengikut peraturan...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pukul 11.30?

**Tuan Pengerusi:** ...Peraturan 83, sesebuah jawatankuasa pilihan boleh mengadakan mesyuaratnya semasa majlis bersidang dan mesyuaratnya itu hendaklah diadakan di premis Parlimen. So boleh semasa bersidang tetapi hendaklah di dalam premis Parlimen....

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi:** Ya supaya boleh keluar, so 11.30, 10 hari bulan dan pada waktu itu diputuskan tadi Yang Berhormat minta pada hari Selasa ulasan daripada AG mengenai implikasi penggunaan dakwat dari segi soal hak undang-undang dan seterusnya supaya kita boleh berbincang semula pada 10 hari bulan nanti...

**Tuan Wee Choo Keong:** Dan juga Artikel 113 Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya

**Tuan Wee Choo Keong:** Itu...

**Tuan Pengerusi:** Oh! Itu soal...

**Tuan Wee Choo Keong:** ...Lapan tahun.

**Tuan Pengerusi:** ...Persempadanan..

**Tuan Wee Choo Keong:** Itu serius.

**Tuan Pengerusi:** Ini Yang Berhormat Wangsa Maju berminat sangat tentang persempadan baru ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** *No, no, no* itu serius Tuan Pengerusi, itu serius. Itu *level playing field...*

**Tuan Pengerusi:** Saya punya 35,000 tetapi 1800 *square kilometer*. Ini Pulau Pinang dan Perlis termasuk di dalam kawasan saya. Okey Yang Berhormat Tan Sri serta Tuan-tuan dan Setiausaha SPR dan pegawai-pegawai terlibat terima kasih banyak, mohon maaf kerana cukup panjang dan belum selesai lagi. Akan tetapi kami pihak jawatankuasa yakin jika beberapa itu *hurdle* dengan izin, kita boleh selesai senang bagi kami menghadapi *reform* ataupun *public* dalam pendengaran awam di mana kami cukup jelas nanti kedudukan serta pandangan pihak SPR. Okey kita sambung pada hari Khamis 10 November, jam 11.30.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Bersama-sama dengan JPN Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Ya tetapi kita akan masukkan dahulu SPR dan barulah JPN, di mana yang perlu kita bergabung.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Terima kasih Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sama-sama, terima kasih kepada Tuan Pengerusi...

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih Yang Berhormat...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** ...Ahli-ahli, terima kasih banyak-banyak, *insya-Allah*.

**Tuan Pengerusi:** Saya menangguhkan Mesyuarat kepada 10 November pada jam 11.30 dan bolehlah bersurai.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.41 petang***